

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : RABU, 17 JUN 2015
RUJUKAN : L8 [PR-1332-L68804]
SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Labuan mempunyai 50,000 buah kenderaan pada masa kini dengan pertambahan tahunan hampir 5,000 unit. Ini akan membuatkan jalan terlalu sesak memandangkan Labuan adalah sebuah pulau kecil. Bukankah patut jambatan menghubungkan Labuan dan Menumbuk (Sabah) perlu dibuat berserta dengan sistem perancangan pengangkutan awam bersepadu, dipertingkatkan keupayaan dan kualitinya bersekali dengan sebuah Sentral stesen yang moden.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kerajaan sedar bahawa setiap tahun bilangan pendaftaran kenderaan akan meningkat di Pulau Labuan. Namun begitu, terdapat juga kenderaan-kenderaan pendaftaran luar dan juga kenderaan yang tidak dapat berfungsi lagi di jalanraya. Masalah kesesakan lalu lintas di pusat bandar Labuan lazimnya berlaku pada waktu-waktu puncak sahaja khususnya pada waktu-waktu tertentu dan pada hari-hari tertentu sahaja. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pro aktif bagi mengurangkan kekerapan berlakunya kesesakan seperti menaik taraf jalan, melebar serta membina jalan-jalan baru dan alternatif.

Kajian penyuraian trafik perlu dijalankan bagi memperbaiki serta mengurangkan berlakunya kesesakan lalu lintas di Pulau Labuan. Perkara ini telah pun diambil kira di dalam cadangan program RMKe-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun terdapat cadangan dari pihak-pihak swasta untuk membina jambatan dari Pulau Labuan ke Sabah, Kerajaan masih berpandangan bahawa belum tiba masanya untuk membina jambatan tersebut dalam keadaan ekonomi semasa.